

U B926 AAB
MAHATHIR - UMNO
(I)

KUALA LUMPUR, 5 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KEKUSUTAN YANG DIHADAPI OLEH UMNO SEKARANG AKAN SELESAI DAN BELIAU YAKIN SEMANGAT PARA ANGGOTA PARTI TIDAK LANGSUNG TERJEJAS; TIDAK KIRA BAGAIMANA KEDUDUKANNYA.

BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR YANG PENUH SESAK DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI BAHAWA BELIAU MEMPUYAI BANYAK PILIHAN BAGI TINDAKAN SELANJUTNYA TETAPI ENGGAN MENGUMUMKAN PILIHAN ITU; DAN MENEGASKAN BELIAU AKAN BERBUAT DEMIKIAN +PADA MASA YANG SEWAJARNYA+.

BELIAU MENOLAK ANGGAPAN BAHAWA PERISYTIHARAN SEMALAM OLEH MAHKAMAH TINGGI DI SINI YANG MENYATAKAN UMNO TIDAK SAH SEBAGAI KRISIS BESAR MENIMPA PARTI ITU.

+IA BUKANLAH KRISIS. IA HANYA SOAL TEKNIKAL,+ TEGAS BELIAU. TETAPI, KATANYA, PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH ITU TIDAKLAH SEMUDAH MENULIS BEBERAPA PUCUK SURAT KEPADA PENDAFTAR PERTUBUHAN BAGI MENGERAKKAN PROSES PENDAFTARAN SEMULA PARTI ITU. -- LAGI
1533MST 05 02 88

U B927 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR
(I)

+BAGAIMANAPUN, MASALAH ITU TIDAKLAH BEGITU SUKAR HINGGA TIDAK BOLEH DISELESAIKAN,+ KATANYA.

MAHKAMAH TINGGI MEMUTUSKAN BAHAWA UMNO ADALAH SEBUAH PERTUBUHAN YANG TIDAK SAH SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG DAN PEMILIHANNYA YANG BERLANGSUNG APRIL TAHUN LALU WUJUD 30 CAWANGAN YANG TIDAK DILULUSKAN.

MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN ITU SEMASA MENOLAK SAMAN YANG DIBAWA OLEH 11 ANGGOTA UMNO YANG MENCABAR KESAHIHAN PERHIMPUNAN AGUNG DAN PEMILIHAN PARTI ITU PADA 24 APRIL LEPAS.

HAKIM DATUK HARUN KETIKA MEMBERIKAN KEPUTUSAN ITU BERKATA BELIAU TIDAK PERLU MENGISYTIHARKAN PERHIMPUNAN DAN PEMILIHAN ITU SEBAGAI TIDAK SAH DAN TIDAK BERKUATKUASA KERANA +IA (PARTI) MEMANG SELAMA INI SUDAHPUN TIDAK SAH+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERULANG-ULANG MENYATAKAN BERIKUTAN KEPUTUSAN MAHKAMAH ITU UMNO TIDAK LAGI WUJUD.

+APA YANG JELAS IALAH TERDAPAT ORANG-ORANG DALAM UMNO YANG INGIN MEMUSNAHKAN PARTI DAN MUNGKIN MEREKA SERONOK MELIHAT UMNO DALAM KEKUSUTAN BEGINI.+

APABILA DITANYA TENTANG REAKSINYA TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH, BELIAU BERKATA: +SAYA DAPATI 11 ORANG YANG INGIN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP UMNO DAN AKIBATNYA TINDAKAN MEREKA TELAH MEMUSNAHKAN UMNO SELURUHNYA.+ - LAGI
1537MST 05 02 88

U B933 AAB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

(I)

KETIKA DIMINTA MENJELASKAN KEDUDUKAN KUMPULAN-KUMPULAN ANGGOTA PARTI SEUMPAMA ITU DAN TENTANG PENDAPAT BAHAWA UMNO TELAH MERAPATKAN SEMULA BARISAN SELEPAS PEMILIHAN PARTI ITU TAHUN LALU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: + JIKA ANDA BARISKAN 1.4 JUTA ANGGOTA UMNO, IA MERUPAKAN BARISAN YANG PANJANG. TIDAK DAPAT TIDAK ADA BEBERAPA ORANG YANG BERNIAT SERONG, ORANG YANG KECEWA DAN YANG MAHUKAN KEDUDUKAN TETAPI TIDAK DAPAT DAN OLEH KERANA TIDAK DAPAT, MEREKA MAHU MUSNAHKAN APA YANG MEREKA TIDAK DAPAT. +

+ APA YANG KITA LIHAT HARI INI IALAH AKIBAT DARIPADA CITA-CITA BEBERAPA ORANG DAN OLEH KERANA MEREKA GAGAL MEREKA LEBIH SUKA MEMUSNAH+, KATANYA.

KATANYA, JAWATANKUASA KHAS YANG DIBENTUK BAGI MENYELESAIKAN PERKARA ITU DI LUAR MAHKAMAH BERUSAHA SEDAYA UPAYANYA TETAPI KUMPULAN 11 ANGGOTA ITU BERKERAS UNTUK MEMBAWA PERKARA ITU KE MAHKAMAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAH DALAM PARTI BOLEH DISELESAIKAN JIKA PARA ANGGOTANYA SAYANGKAN PARTI ITU TETAPI JIKA MEREKA NIAT NAK DAPAT SESUATU UNTUK DIRI SENDIRI, +MASALAH AKAN JADI SULIT+.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TENTANG CITA-CITA SIAPAKAH YANG PIHAK 11 ITU WAKILI MEMANDANGKAN MEREKA HANYA MERUPAKAN ANGGOTA BIASA PARTI ATAU SETAKAT MENJADI KETUA CAWANGAN, BELIAU BERKATA: +SAUDARA BOLEH MEMBUAT KESIMPULAN SENDIRI+. -- LAGI

1629MST 05 02 88

U B954 AAB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR
(I)

BILA PEMBERITA BERTERUSAN MEMINTA PERDANA MENTERI MENYATAKAN PILIHAN YANG AKAN DIBUATNYA, TERMASUK KEMUNGKINAN MEMBENTUK SEBUAH PARTI BARU BAGI MENGGANTIKAN UMNO, DAN BERAPA LAMA MASA YANG DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU, BELIAU BERKATA SEMUA JALAN AKAN DITINJAU BAGI MENDAPATKAN CARA PENYELESAIAN TERBAIK.

KATANYA, MASALAH ITU ADALAH SATU PENGAJARAN KEPADA SEMUA PARTI DALAM MEMILIH ANGGOTA MEREKA.

+PERKARA PALING PENTING IALAH BAGI UMNO MENERIMA ANGGOTA YANG MEMPUNYAI SEMANGAT YANG BOLEH MENJADIKAN PARTI DALAM KEADAANNYA PADA MASA LALU. MARUAH UMNO TIDAK TERJEJAS DAN KITA BOLEH BERPEGANG KEPADA ITU SEKALIPUN SAUDARA MEMADAM NAMANYA ATAU MENYEBUTNYA DENGAN NAMA LAIN.+

MENYENTUH KEPUTUSAN MAHKAMAH YANG MEMBERI TAFSIRAN BAHAWA PARTI UTAMA YANG MEMERINTAH NEGARA ADALAH TIDAK SAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +JIKA UNDANG-UNDANG MENYATAKAN DEMIKIAN DAN MAHKAMAH MENAFSIRKAN DEMIKIAN, APA LAGI YANG BOLEH SAYA KATAKAN.+

DITANYA TENTANG PESANAN KEPADA RAKYAT BAGI MENGELAKKAN KEKELIRUAN, BELIAU BERKATA: +KITA AKAN JELASKAN KEPADA RAKYAT DENGAN CARA KITA SENDIRI DAN SAYA FIKIR MEREKA TIDAK MERASA BIMBANG TENTANG PERKARA ITU.+ - LAGI

1814MST 05 02 88

D920

U B970 AAB
MAHATHIR - UMNO 5 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MENJELAJAH KE SELURUH NEGARA UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN KEPADA RAKYAT, BELIAU MENJAWAB: +MUNGKIN, TETAPI KAMI TIDAK BOLEH BERJUMPA SEBAGAI UMNO KERANA UMNO TIDAK SAH.+

SAMBIL MENGULANGI BAHAWA INI BUKANLAH SATU KRISIS, BELIAU YAKIN BILA UMNO DIPULIHKAN SEMULA, MASA DEPANNYA +AKAN SETERANG LAMPU-LAMPU ITU+, KATANYA SAMBIL MENUNJUK KEPADA LAMPU-LAMPU TV BERVOLTAN TINGGI DALAM BILIK ITU.

KEPADA SOALAN BAHAWA SETAKAT INI PENDAFTAR PERTUBUHAN BELUM MEMBATALKAN PENDAFTARAN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA FAHAM BAHAWA PENDAFTAR MESTI MENURUT KEPUTUSAN MAHKAMAH ITU.+ - BERNAMA

1844MST 05 02 88